

**SEJARAH PERKEMBANGAN KOTA JERUSALEM DARI
TAHUN 1980 HINGGA 2018**

NOR MAYZURAH BINTI BAHAR

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Perkembangan Kota Jerusalem dari Tahun 1980 hingga 2018 ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022

MAY

(NOR MAYZURAH BINTI BAHAR)

BA19110453



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

TAJUK : **NOR MAYZURAH BINTI BAHAR**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **NOR MAYZURAH BINTI BAHAR** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK
TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh,

NOR MAYZURAH BINTI BAHAR
(BA19110453)

DR. MOHAMAD SHAUKHI BIN MOHD RADZI
PENYELIA

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T dengan keizinan-Nya penulis dapat menyelesaikan penulisan ini sehingga akhir. Selawat dan salam ditujukan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, yang telah menjadi penunjuk kearah kebenaran dan tokoh utama kepada sekalian umat di seluruh dunia dengan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia Latihan Ilmiah saya iaitu Dr. Mohamad Shauki Bin Mohd Radzi yang juga merupakan pensyarah kepada kepada saya selama tempoh pengajian tiga tahun di Universiti Malaysia Sabah. Segala tunjuk ajar dan ilmu diberi akan sentiasa dihargai dan sudah pasti akan diguna pakai dengan sebaiknya. Terima kasih atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan teguran yang diberikan dalam rangka menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak dilupakan kesemua pensyarah program HA24 program sejarah kerana jasa dan bakti mereka dalam mencurahkan ilmu sepanjang pengajian sesungguhnya sangat membantu dalam mengasah dan meluaskan kebolehan saya dalam menghasilkan kajian ini.

Tidak dilupakan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang sangat membantu dalam sokongan secara fizikal mahupun mental saya dalam menyiapkan penulisan ini khususnya kepada ibu bapa dan adik beradik saya, sekali lagi terima kasih kerana menjadi tulang belakang saya untuk terus gagah dan tidak mengaku kalah dalam menghadapi pengajian selama tiga tahun di Universiti Malaysia Sabah. Tanpa sokongan dari pihak keluarga saya tidaklah saya mampu untuk menempuhi segala dugaan dan cabaran sepanjang bergelar pelajar dan menyiapkan hasil karya penulisan saya ini. Turut disertakan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya kerana sentiasa bersama-sama berganding bahu dalam menyelesaikan permasalahan dan kekeliruan saya sepanjang menyiapkan penulisan. Terima kasih kerana sentiasa sudi memberi tunjuk ajar di sepanjang perjalanan saya menyiapkan Latihan Ilmiah. Apa yang diharapkan adalah semoga penulisan saya mengena Sejarah dan Perkembangan Kota Jerusalem dari tahun 1980 hingga 2018 dapat dijadikan rujukan dan dimanfaatkan oleh masyarakat secara umumnya.

NOR MAYZURAH BINTI BAHAR
12 Ogos 2022

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan mengenai sejarah Kota Jerusalem dari tahun 1980 hingga tahun 2018. Sejarah perkembangan itu difokuskan kepada peristiwa-peristiwa yang signifikan yang berlaku terhadap kota Jerusalem khususnya yang berkaitan dengan status Jerusalem dan aktiviti-aktiviti penyahudian yang dilakukan oleh Israel terhadap kota tersebut berikutan konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel. Jerusalem atau Baitul Maqdis yang sememangnya memiliki sejarah dan peradaban yang panjang khususnya bagi agama Islam, Kristian dan Yahudi menjadi pentas kepada perebutan antara komuniti agama ini kerana masing-masing memiliki kepentingan yang tersendiri untuk mempertahankan Jerusalem sebagai wilayah pendudukan mereka. Sebuah titik baru dalam konflik Palestin dan Israel bermula apabila Israel mengambil langkah yang lebih ekstrim dengan mengumumkan bahawa Jerusalem adalah ibu negara Israel dan proses pengklaiman ini berterusan sehingga tahun 2017 dimana President Donald Trump mengakui kewujudan Jerusalem sebagai ibu negara Israel. Keputusan ini berjaya mengundang reaksi yang pelbagai dari organisasi dan negara-negara antarabangsa yang bertanggungjawab dalam mengemukakan resolusi yang relevan sebagai satu langkah kearah perdamaian bersama.

Kata kunci: Jerusalem, Palestin, Israel



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This paper discusses the history of the city of Jerusalem from 1980 to 2018. The history of the development is focused on the significant event that happened to the city of Jerusalem, especially those related to the status of Jerusalem and the Judaizing activities carried out by Israel against the city following the conflict that happened between Palestine and Israel. Jerusalem or Baitul Maqdis which indeed has long history and civilization especially for Islam, Christianity and Judaism became the stage for the struggle between these religious communities because each has its own interest to defend Jerusalem as their territory of occupation. A new point in the conflict between Palestine and Israel took a more extreme step by announcing that Jerusalem is the Capital of Israel and this process of claiming continued until 2017 when President Donald Trump acknowledged the existence of Jerusalem as the capital of Israel. This decision successfully invited a variety of reaction from international organization and countries that are responsible for submitting relevant resolutions as a step toward mutual peace.

Keywords: Jerusalem, Palestine, Israel



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

TAJUK.....	i
PENGAKUAN.....	ii
PENGESAHAN.....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
ASTRAK.....	v
ABSTRACT.....	vii
SENARAI FOTO.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
BAB 1 PENGENALAN.....	
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	2
1.3 Persoalan Kajian.....	3
1.4 Objektif Kajian.....	3
1.5 Kepentingan Kajian.....	4
1.6 Sorotan Literatur.....	5-8
1.7 Skop Kajian.....	8
1.8 Metodologi Kajian.....	9-10
1.9 Pembahagian Bab.....	10
1.10 Kesimpulan.....	11
BAB 2 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG KOTA JERUSALEM.....	
2.1 Pengenalan.....	
2.2 Sejarah Awal Jerusalem Sebelum Pengishtiharan Sebagai Ibu Negara Israel Pada Tahun 1980.....	12
2.2.1 Jerusalem di bawah Pemerintahan Nabi Daud 1000 SM.....	12
2.2.2 Jerusalem di Kuasai Babilon dan persia.....	12
2.2.3 Jerusalem di Bawah Kerajaan Romawi dan Byzantin.....	12
2.2.4 Muslim Menguasi Jerusalem 637 M.....	13
2.2.5 Perang Salib di Jerusalem.....	13
2.2.6 Kerajaan Uthmaniah dan British di Jerusalem.....	13
2.2.7 Jerusalem Terbahagi Kepada Dua Bahagian Setelah perang Dunia ke-II.....	13
2.2.8 Perang Enam Hari.....	14
2.3 Jerusalem Titik Pertembungan Tiga Agama Samawi.....	14
2.4 Kepentingan Kota Jerusalem Kepada Agama Islam, Yahudi dan Kristian... ..	16
2.4.1 Kepentingan Jerusalem Menurut Islam.....	16-21

2.4.2	Kepentingan Jerusalem Menurut Yahudi	21-25
2.4.3	Kepentingan Jerusalem Menurut Kristian.....	25-28
2.5	Kesimpulan.....	28-29
BAB 3 SEJARAH PERKEMBANGAN KOTA JERUSALEM DARITAHUN 1980 HINGGA 2018.....		
3.1	Pengenalan.....	30
3.2	Jerusalem Tahun 1980 hingga Tahun 2000.....	31
3.2.1	“Basic Law: Jerusalem the Capital of Israel 1980”	31-33
3.2.2	Proses Rampasan Tanah Penduduk Arab Palestin	33-35
3.2.3	Penggalian Lubang di Al-Haram Al-Syarif (Masjid AL-Aqsa).....	36-38
3.2.4	Tembok Magharbeh	38-40
3.2.5	Intifadah 1987 dan Perjanjian Oslo 1993	40-41
3.3	Jerusalem Tahun 2000 hingga 2018.....	41
3.3.1	Pembinaan Zon Kawasan Hijau	41-42
3.3.2	Intifadah Al-Quds 2000	42-43
3.3.3	Tindakan Kekerasan Israel Terhadap Bangunan Suci di Jerusalem ...	44-46
3.3.4	Pembinaan Tembok Pemisah di Sekeliling Jerusalem	47-49
3.3.5	Peningkatan Populasi Yahudi di Jerusalem	50-52
3.3.6	Pengistiharan Donald Trump Jerusalem sebagai Ibu Negara Israel.....	53
3.4	Kesimpulan.....	56
BAB 4 REAKSI ORGANISASI ANTARABANGSA DAN NEGARA LUAR MENGENAI KOTA JERUSALEM.....		
4.1	Pengenalan.....	
4.2	Reaksi dan Resolusi Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB)	58-59
4.3	Reaksi Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)	60-65
4.4	Reaksi Organisasi Kerjasama Islam (OKI)	65-67
4.5	Reaksi Negara Luar Mengenai Persoalan Pemindahan Kedutaan Israel ke Jerusalem	
4.5.1	Reaksi Negara Turki.....	67
4.5.2	Reaksi Negara Jerman.....	68
4.5.3	Reaksi Negara Guatemala.....	68
4.5.4	Reaksi Negara Paraguay.....	68-69
4.5.5	Reaksi Negara Australia.....	69
4.5.6	Reaksi Negara Qatar	69
4.5.7	Reaksi Negara China	69-70

4.5.8 Reaksi Negara Mesir	70
4.5.9 Reaksi Negara Rusia	70
4.5.10 Reaksi Negara Amerika Syarikat (Rex Tillerson).....	70
4.5.11 Reaksi Negara Indonesia	71-72
4.5.12 Reaksi Negara Malaysia	72-73
4.6 Reaksi Uni Eropah, Liga Arab dan ASEAN	73-74
4.7 Kesimpulan.....	74-75
BAB 5 RUMUSAN	76-80
RUJUKAN	81-85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

HALAMAN

Foto 2.1: Masjid Al-Aqsa di Jerusalem	17
Foto 2.2: Tanda nama dinding Al-Buraq (Wailing Wall) sebelum 1967	23
Foto 2.3: Tembok Ratapan di Jerusalem	24
Foto 2.4: Gereja Suci Sepulche	25
Foto 3.1: Penggalian Lubang oleh Kumpulan Peneroka Israel	36
Foto 3.2: Tembok Magharbeh sebelum dan selepas pembinaan semula	38
Foto 3.3: Tindakan kekerasan dan penindasan yang dilakukan oleh Israel	47
Foto 3.4: Pengistiharakn Donald Trump di <i>White House</i>	53



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AS	-	Amerika Syarikat
ASEAN	-	<i>Associaion of Southeast Asian Nation</i>
ICC	-	<i>International Criminal Court</i>
ICJ	-	<i>International Court Justice</i>
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
OKI	-	Organisasi Kerjasama Islam
OTP	-	The Office of The Prosecutor
SAW	-	<i>Sallallahu alayhi Wasallam</i>
SM	-	Sebelum Masihi
SWT	-	<i>Subhanahu Wa ta'ala</i>
UMNO	-	<i>United Malays National Organization</i>
UNRWA	-	<i>The United Nations Relief and Work Agency</i>
USAID	-	<i>United States Agency for International Development</i>
USD	-	<i>United State Dollar</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kota Jerusalem terletak di Palestin merupakan kota yang memiliki sejarah yang panjang dalam peradaban dunia. Buktinya kota Jerusalem atau lebih dikenali sebagai Baitulmaqdis pernah ditawan oleh kuasa-kuasa besar antaranya kerajaan *Crusaders*, Rom, Parsi, Mesir, Arab, Fatimids, Kerajaan Seljuk dan Islam¹. Selepas perang dunia pertama, British mengambil alih Baitulmaqdis yang merupakan sebahagian daripada Palestin kemudian British mengawal kota tersebut dan kawasan sekitarnya sehingga tahun 1948. Kemudian pada 14 Mei 1948 tertubuhnya negara Israel di Palestin dan bermulanya sejarah baru antara masyarakat Islam, Palestin dan Yahudi Israel². Daripada sejarah yang panjang inilah dapat dilihat bagaimana kota Jerusalem menjadi rebutan kuasa-kuasa besar dunia sehingga hari.

Apa yang menjadikan kota Jerusalem sering diancam kedudukannya oleh kuasa besar dunia adalah disebabkan kepentingan Kota Jerusalem dihubungkan dengan kepentingan tiga agama besar atau dikenali sebagai *abrahamic religions* atau agama Samawi iaitu Islam, Yahudi dan Kristian³. Ketiga-tiga agama ini mengaku bahawa Jerusalem merupakan ibu kota suci bagi agama mereka. Sehingga kini, kota Jerusalem masih memiliki artifak-artifak mahupun bangunan yang mempunyai hubungan rapat dengan pegangan agama bagi Islam, Yahudi dan Kristian. Antara artifak tersebut adalah *Dome of the Rock*, *Western Wall* (Tembok ratapan) dan *The Church of the Holy Sepulchre*. Kesemua tinggalan sejarah ini memiliki kepentingan yang sangat besar disisi agama Islam, Yahudi dan Kristian.

¹ Mj. Suhaimi. 18 Disember 2017. Sejarah awal Baitulmaqdis dan kepentingannya kepada Islam, Yahudi dan Kristian. diakses pada 28 april 2022 daripada <https://iluminasi.com/bm/sejarah-awal-kota-baitulmaqdis-kepentingannya-kepada-islam-yahudi-kristian.html>.

² *Ibid.*

³ Ajat Sudrajat. 2009. Jerusalem: Kota dalam Sengketa. Jurnal Sejarah dan Budaya vol.2, No 2. Hlm 2.

Tuntutan keatas kota Jerusalem oleh komuniti Yahudi keatas Jerusalem telah menyebabkan berlakunya perubahan dari segi demografi, had perbatasan wilayah, corak pemerintahan mahupun sosioekonomi Jerusalem. Sejak pertengahan tahun 1948 apabila Israel menyatakan bahawa Jerusalem merupakan ibu kotanya, komposisi Jerusalem dibahagi kepada dua bahagian iaitu Jerusalem Timur dan Jerusalem Barat. Jerusalem Timur sebahagian besar penduduknya adalah orang-orang Arab Palestin manakala Jerusalem Barat hampir semua penduduknya adalah orang Yahudi⁴. Namun, begitu sedikit demi sedikit Israel telah menguasai sebilangan besar wilayah Timur Jerusalem sekaligus meningkatkan Komuniti Yahudi di Jerusalem⁵. Maka daripada itu, pelbagai perubahan dan perkembangan yang dapat dilihat sehingga hari ini terhadap Kota Jerusalem. Terdesak untuk menuntut hak keatas Jerusalem maka pada tahun 1980 Israel telah mengeluarkan satu undang-undang yang dikenali sebagai "The Basic Law: Jerusalem The Capital Of Israel" yang mana undang-undang ini dikatakan sepihak kerana tidak diluluskan oleh undang-undang antarabangsa⁶. Bermula dari perkara ini maka usaha untuk menjadikan Jerusalem sebagai ibu negara Israel merupakan objektif utama gerakan zionis Israel yang memburukkan lagi konflik diantara Palestin dan Israel. Disisi masyarakat arab Palestin pula, mereka tidak pernah mengku kewujudan Israel di negara mereka dan tindakan mereka untuk meragut kedaulatan bumi Jerusalem sememangnya tindakan jenayah dan dianggap tidak berperikemanusiaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, segala proses penganiayaan dan kekejaman telah dilakukan oleh puak-puak zionis Israel keatas penduduk arab di Palestin khususnya di Jerusalem itu sendiri. Kewujudan monument-monumen suci bagi tiga agama samawi tersebut yang menguatkan lagi tuntutan-tuntutan ke atas tanah Jerusalem.

Tegasnya Jerusalem sinonim dengan tanah suci yang memiliki kepentingan bagi agama-agama samawi yang berlatarbelakangkan sejarah dan dua perkara tersebut menjadi potret peradaban sejarah Jerusalem selama berabad lamanya. Namun seiring berlakunya konflik yang tidak berpenghujung antara Israel dan Palestin maka boleh dikatakan bandar Jerusalem tidak lagi berlatarbelakangkan agama melainkan berlatarbelakangkan politik atau perebutan kekuasaan⁷.

⁴Ajat Sudrajat.2009. Jerusalem:Kota dalam Sengketa.Jurnal Sejarah dan Budaya vol.2,No 2.Hlm 2.

⁵ *Ibid*, Hlm 2 dan 3.

⁶ Center For Israel Eucation.2020. Isral Passes Basic Law on Jerusalem. Atlanta Georgia

⁷, Zikri Sulthoni. 2019. *Studi Historis Eksistensi Komuniti Yahudi, Kristian dan Islam di yerusalem*. Latihan Ilmiah. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.Hlm 7.

Buktinya, ramai kuasa besar dunia telah bekerjasama dalam menjayakan perancangan Zionis demi satu kepentingan peribadi mereka. Disebabkan perkara inilah mengapa kota Jerusalem kini terbahagi kepada beberapa wilayah dan kekuasaan.

1.2 Permasalahan Kajian

Kedudukan Jerusalem sangat penting bagi penganut tiga agama Samawi, namun permasalahan dan konflik yang tidak berpenghujung berlaku apabila orang Israel dan Palestin sama-sama mengklaim Jerusalem sebagai Ibu Kota mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam kaca mata Israel mereka bercita-cita untuk mewujudkan lembaga-lembaga pemerintahan yang kekal utamanya di Kota Jerusalem manakala di sisi Palestin pula mereka menganggap Baitulmaqdis (Jerusalem) adlah pusat pemerintahannay sejak dahulu lagi.⁸

Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa isu dan pernyataan masalah yang diketengahkan dalam kajian ini sehingga wujudnya ketertarikan untuk mengkaji mengenai sejarah Kota Jerusalem. Salah satu isu tersebut adalah isu pengklaiman atau tuntutan keatas kota Jerusalem di antara masyarakat Palestin dan Israel yang dilihat tidak berpenghujung, perkara ini dilihat antara konflik yang paling panjang dan sulit kerana kedua-dua pihak tidak mahu mengalah dalam mengklaim hak utama keatas Kota Jerusalem sehingga berlakunya pelbagai jenis peperangan antara keduanya. Peperangan antara Palestin dan Israel semestinya mendatangkan pelbagai impak tidak kira dari segi politik, sosial mahupun ekonomi. Sedangkan jika dilihat dengan hati nurani dan sifat kemanusiaan perkara ini seharusnya segera diselesaikan kerana ianya bukan sahaja melibatkan ahli politik negara malahan turut melibatkan keseluruhan masyarakat Palestin khususnya di Kota Jerusalem.

Seterusnya adalah berkenaan dengan perebutan wilayah dan daerah keatas kota Jerusalem. Mengikut sejarah, wilayah dan daerah di Jerusalem telah mengalami perubahan secara drastik kerana daerahnya kini terbahagi kepada beberapa hak tututan diantara masyarakat Israel dan Palestin. Namun begitu, perubahan ini banyak mendatangkan kelebihan keatas masyarakat Israel berbanding masyarakat asal Palestin. Kesannya, pelbagai permasalahan seperti pengusiran masyarakat palestine daripada tempat tinggal mereka oleh Israel, pencerobohan terhadap bangunan suci di Jerusalem, pembinaan tembok secar haram,peningkatan pelarian Palestin serta hak keatas wilayah semakin hari semakin berkurangan bagi pihak Palestin kerana

⁸ Sejarah Kota Jerusalem dan Kepentingan Israel-Palestin atas yerusalem, Hlm 49.

jika berbicara mengenai rebutan wilayah mahupun daerah ke atas Kota Jerusalem maka kelebihan tersebut lebih kearah pihak Israel.

1.3 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan kajian yang dibentuk berdasarkan objektif kajian:

- I. Mengapakah agama Islam, Yahudi dan Kristian menuntut kota Jerusalem sebagai kota suci agama mereka.
- II. Apakah sejarah perkembangan kota Jerusalem dari tahun 1990 hingga 2018?
- III. Bagaimanakah reaksi masyarakat antarabangsa terhadap perubahan yang berlaku di kota Jerusalem.

1.4 Objektif Kajian

Objektif pertama bagi kajian ini adalah menjelaskan latar belakang Jerusalem dan Kepentingannya kepada agama Islam, Yahudi dan Kristian.

Objektif kedua adalah untuk menjelaskan sejarah perkembangan kota Jerusalem dari tahun 1980 hingga 2018.

Objektif ketiga adalah meneliti reaksi masyarakat antarabangsa terhadap perkembangan yang berlaku di kota Jerusalem.

1.5 Kepentingan Kajian

Diharapkan kajian ini mampu membimbing dan dijadikan rujukan kepada pelajar-pelajar di masa hadapan. Seperti mana kajian ini memerlukan banyak penelitian kajian-kajian lepas maka daripada itu diharapkan kajian ini turut dapat membantu menjadi sumber rujukan kepada pelajar-pelajar yang ingin mendapatkan beberapa maklumat yang berkaitan dengan sejarah dan perkembangan Kota Jerusalem untuk penelitian lanjutan yang lebih dalam dan spesifik.

Di samping itu juga, dengan adanya kajian ini diharapkan dapat membuka mata setiap individu untuk lebih tertarik untuk mengetahui ilmu pengetahuan mengenai Kota Jerusalem dan sejarahnya sejak tertubuhnya negara Israel. Diharapkan penelitian ini dapat memperkaya khazanah ilmu pendidikan terutamanya kepada generasi muda yang masih ramai tidak mengetahui akan kepentingan Kota Jerusalem kepada beberapa agama besar dunia.

Seterusnya, diharapkan dengan kajian ini masyarakat lebih mengetahui akan kepentingan Kota Jerusalem kepada agama-agama besar dunia iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Dengan mengetahui perkara tersebut maka masyarakat akan peka terhadap apa yang berlaku dalam konflik perebutan hak ke atas Kota Jerusalem yang mana masing-masing menuntut hak ke atas tanah Jerusalem dengan ajaran agama kepercayaan mereka.

Akhir sekali, dengan melakukan kajian ini diharapkan dapat menambahkan lagi dapatan atau hasil kajian yang memperlihatkan mengenai sejarah perkembangan kota Jerusalem secara khususnya. Hal ini kerana sejarah perkembangan kota Jerusalem adalah sesuatu yang sangat bermanfaat untuk diketahui oleh masyarakat pada hari ini agar tidak ketinggalan dalam memahami apa sebenarnya yang berlaku di Palestin dan paling tepat lagi di kota Jerusalem itu sendiri. Diharapkan juga segala kelompangan dan kekurangan yang terkandung dalam sorotan literatur sebelumnya akan dapat terisi dengan kajian ini kerana pengkaji mencuba untuk menyenaraikan tempoh-tempoh yang signifikan dalam sejarah perkembangan Jerusalem dari tahun 1980 hingga 2018 yang kurang di sentuh oleh kebanyakan pengkaji-pengkaji lalu. Maka dari itu kajian ini diharapkan juga dapat menjawab segala persoalan dan kebingungan yang sentiasa menjadi tanda tanya dalam buah fikiran masyarakat yang pada asalnya persoalan itu jugalah yang ada pada diri pengkaji sendiri sehingga kajian ini dilaksanakan.

1.6 Sorotan Literatur

Kajian Mengenai sejarah dan perkembangan kota Jerusalem adalah tidak asing lagi dalam pengkajian penulisan oleh sarjana mahupun pemikir seluruh dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana Kota Jerusalem memegang satu nilai yang tidak ada pada mana-mana wilayah di dunia. Jerusalem sangat terkenal sebagai pusat monoteisme iaitu pusat bandar yang memegang seribu satu sejarah peradaban bagi tiga agama samawi iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Kajian mengenai sejarah kota Jerusalem dan kepentingannya terhadap tiga agama ini pernah dikaji oleh Amaliyah pada tahun 2017 yang bertajuk "Satu Tuhan Tiga Agama (Yahudi, Nasrani, Islam di Yerusalem)". Kajian ini menjelaskan tentang perbezaan perspektif mengenai ke-Esaan Tuhan bagi tiga. Agama iaitu Yahudi, Nasrani dan Islam berdasarkan sejarah kota Jerusalem, Namun begitu, kajian ini hanya fokus dalam merungkai perbezaan dan persamaan diantara tiga agama tersebut dalam kontes Unitarian Monoteisme.⁹

Selain itu juga penulisan mengenai Sejarah Kota Jerusalem dan Kepentingan Israel-Palestin Atas Jerusalem menjadi sebuah penulisan yang mampu menjawab persoalan kajian. Kajian membincangkan mengenai sejarah Kota Jerusalem berdasarkan hukum international serta mengapa Jerusalem diklaim dan dituntut oleh Israel dan Palestin.¹⁰ Karya dari Ajat Sudrajat juga membincangkan mengenai sejarah awal dan perkembangan Kota Jerusalem secara kritis di mana dibincangkan mengenai kerajaan-kerajaan yang telah menguasai Jerusalem seperti kerajaan Babylon, Kerajaan Saljuk, Kerajaan Islam seperti kerajaan Uthmaniah, penawanan Perang Salib sehingga Jerusalem jatuh ke tangan mandat British.¹¹

Di samping itu, karya penulisan dari Muh Ikhsan pada tahun 2018 yang bertajuk "Bayt AL-Muqaddas: Perspektif Sejarah dan Siyasa" turut mengkaji mengenai sejarah kota Jerusalem. Kajian ini membincangkan mengenai sejarah awal dan perkembangan Baitulmaqdis atau Jerusalem. Fokus kajian ini adalah mengenai bangunan artifak yang berada di Kota Jerusalem

⁹ Amaliyah.2017. Satu Tuhan Tiga Agama (Yahudi, Nasrani, Islam di Yerusalem). Jurnal Studi Agama-agama dan Lintas Budaya. Vol 1 No.2.Hlm 1-5

¹⁰ University Muhammadiyah Yogyakarta. Sejarah Kota Yerusalem dan kepentingan Israel-Palestin atas Yerusalem.Hlm 1.

¹¹ Ajat Sudrajat.2009. Jerusalem:Kota dalam Sengketa.Jurnal Sejarah dan Budaya vol.2,No 2.Hlm 1 Dan 2.

yang merupakan titik kepada kontroversi diantara tiga agama samawi iaitu Islam, Yahudi dan Nasrani.¹²

Manakala bagi kajian mengenai Perkembangan Jerusalem dari tahun 1980 hingga 2018 antara karya-karya yang mengkaji mengenainya adalah kajian dari Zikri Sulthoni pada tahun 2019. Kajian ini bertajuk "Studi Historis Eksistensi Komuniti Yahudi, kristian dan Islam di Yerusalem". Karya membincangkan mengenai sejarah dan hubungan Kota Jerusalem dengan hubungannya kepada komuniti yahudi kepada kota Jerusalem. Daripada dapatan kajian yang dijelaskan dalam penulisan, dapat dilihat bagaimana pengaruh kewujudan negara Israel mempegaruhi kekuasaan di kota Jerusalem. Wilayah pendudukan masyarakat arab Palestin yang dipersetujui iaitu di Jerusalem Timur dan Jerusalem Barat kepada wilayah pendudukan masyarakat Yahudi namun gerakan kumpulan Israel Zionis yang ekstrim telah menyebabkan hampir keseluruhankota Jerusalem dikuasai oleh komuniti Yahudi perkara ini sesuai dengan projek yang ingin dijaakan oleh israel iaitu "The Greater Jerusalem".¹³

Manakala, kajian daripada Tasnim. Abdul Rahman pada tahun 2014 yang bertajuk "Konflik Islam Dan Israel Di Palestin: Tentangan Isu Dan Penyelesaiannya Dalam Karya Al-Faruqi". Kajian membincangkan mengenai rangka pemikiran prof Ismail Raji Al-Faruqi berdasarkan karyanya Islam and Problem of Israel. Kajian turut menyentuh impak pendudukan Israel di Gaza serta menjelaskan secara terperinci tentang isu-isu sejarah di samping mengkaji penyelesaian yang akan dikemukakan.¹⁴

Bukan Itu sahaja, terdapat juga kajian daripada Dr.Mohd Roslam pada tahun 2010 yang bertajuk "Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel". Kajian ini membincangkan sejarah awal Palestin sejak kepimpinannya di bawah kerajaan Turki Uthmaniah. Di samping itu, terdapat karya penulisan dari Abdul Qayyum Suhaimi pada tahun 2014 yang bertajuk Intifadah Al-Aqsa dan Kesannya ke atas proses Damai di Palestin. Kajian membincangkan mengenai peristiwa besar yang berlaku di Palestin khususnya di sekitar al-Aqsa. Intifadah yang tercetus bukanlah kali

¹² Muh Ikhsan. 2018. Bayt Al-Muqaddas: Perspektif Sejarah dan Siyasa. Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Komunikasi Dan Bimbingan Islam.Vol. 1, No.2.Hlm 1.

¹³ Zikri Sulthoni. 2019. Studi Historis Eksistensi Komuniti Yahudi, Kristian dan Islam di yerusalem. Latihan Ilmiah. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.Hlm 1.

¹⁴ Tasnim Abdul Rahman, Zuriati Mohd Rashid, Wan Sabri Wan Yusof & Ahmad Nabil Amir. 2015. *Konflik Islam Dan Israel Di Palestin: Tentangan Isu Dan Penyelesaiannya Dalam Karya AL-Faruqi*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Vol 2, no.2.Hlm. 2.

pertama tetapi merupakan kali kedua selepas tahun 1987. Namun kajian ini lebih fokus kepada intifadah kedua yang berlaku pada tahun 2000 begitu juga impaknya kepada rundingan damai antara Arab-Israel yang telah dijangka.¹⁵

Manakala kajian dari Anne Marie pada tahun 2010 bertajuk *The Palestinian Intifadah* menjelaskan mengenai tindakan yang dilakukan oleh rakyat Palestin iaitu intifadah sebagai langkah untuk mempertahankan hak mereka terhadap negara mereka. Intifadah Palestin adalah sebuah pemberontakan yang memberi gegaran secara drastik yang mengubah status Palestin dan tuntutan mereka menurut pendapat dunia.¹⁶

Mengenai riaksi organisasi antarabangsa dan negara luar mengenai Jerusalem, terdapat hanya beberapa penulisan yang telah dikenal pasti dan salah satunya adalah kajian daripada Yanai Permatasari pada tahun 2019 yang bertajuk "Tinjauan Umum Yerusalem Dalam Hukum Internasional". Kajian memfokuskan mengenai tindakan-tindakan yang dilakukan oleh organisasi antarabangsa terhadap aktiviti haram di Jerusalem khususnya pencerobohan wilayah dan pengeluaran undang-undang asas Jerusalem sebagai ibu negara Israel. Kajian lebih kepada reaksi negara-negara luar mengenai pengumuman Donald Trump yang menyokong Jerusalem sebagai Ibu negara Israel. Organisasi utama yang dibincangkan dalam penulisan adalah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan resolusi yang dikeluarkan sebagai jalan penyelesaian terhadap konflik Israel-Palestin, Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Mahkamah Jenayah Antarabangsa, Organisasi Kerjasama Islam dan beberapa pertubuhan negara-negara seperti Uni Eropah, Liga Arab dan ASEAN.

Secara keseluruhan, karya penulisan lepas menyediakan banyak maklumat mengenai sejarah Kota Jerusalem namun kekurangan dalam kajian mengenai sejarah perkembangan Kota Jerusalem sekitar tahun 1980 hingga tahun 2018 menjadi penggerak kepada penulis untuk melakukan penyelidikan mengenainya. Jika diteliti banyak sejarawan hanya fokus kepada sejarah antara Palestin dan Israel sejak berada di bawah mandat British hingga tertubuhnya negara Israel namun sangat kurang penulisan mengenai perkembangan Jerusalem selepas tempoh itu khususnya sekitar tahun 2000-an. Lambakan penulisan sejarah kota Jerusalem sebelum tahun

¹⁵ Abdul Qayyum M Suhaimi. 2014. Intifadah Al-Aqsa (2000) Dan Kesannya Ke Atas Proses Damai di Palestin. Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Hlm 1-2.

¹⁶ Anne Marie & Baylouny. 2010. The Palestinian Intifada. The International Encyclopedia of Peace. New York and Oxford University Press. Hlm 2.

1980 telah menyebabkan sejarah kota suci tersebut seperti tenggelam sekitar abad ke 1990 hingga 2000-an sedangkan pada tempoh inilah sebenarnya pelbagai peristiwa-peristiwa yang menggegarkan dunia berlaku.

Maka dari itu bagi menyempurnakan kajian ini adalah sangat penting untuk meneliti beberapa kajian-kajian lepas yang seiring dengan topik dan tema kajian khususnya kajian mengenai Kota Jerusalem. Meneliti kajian lalu dapat disimpulkan bahawa banyak kajian telah dilakukan mengenai sejarah kota Jerusalem namun begitu hanya sedikit kajian yang meneliti perkembangan kota Jerusalem dari tahun 1980 hingga 2018 begitu juga perbincangan mengenai perubahan yang berlaku ke atas Kota Jerusalem sepanjang tempoh tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan pengkaji-pengkaji lepas lebih banyak membahas konflik yang berlaku diantara Palestin dan Israel namun sangat kurang yang mengkaji sejarah Kota Jerusalem itu sendiri.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya mengambil kira kerangka waktu daripada tahun 1980 iaitu tahun dimana buat pertama kalinya dalam sejarah Palestin-Israel, Israel sendiri telah mengeluarkan sebuah undang-undang yang menyatakan Jerusalem adalah ibu negara bagi Israel secara sepihak dan perkara ini telah mengundang pelbagai reaksi negatif daripada masyarakat dunia. Pemilihan tempoh ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana perkembangan kota Jerusalem serta perubahan yang berlaku secara drastik sejak tahun 1980 sehingga tahun dimana sekali lagi Jerusalem diistihar sebagai ibu negara bagi negara Israel pada tahun 2017 dan bagi melihat penerimaan tersebut maka tempoh kajian diteruskan kepada tahun 2018 kerana selepas sahaja pengistiharan yang tidak diduga oleh president Donald Trump terhadap Jerusalem maka pelbagai reaksi hebat dapat dilihat daripada segenap pelusuk dunia tidak kira masyarakat tempatan Palestin mahupun masyarakat antarabangsa khususnya negara-negara Islam.

Perkara yang dikaji hanya terbatas kepada sejarah dan perkembangan Kota Jerusalem dan meneliti aspek yang berlaku mengenai sejarah peradaban kota Jerusalem. Turut tertumpu kepada reaksi daripada organisasi antarabangsa dan negara luar mengenai peristiwa-peristiwa yang signifikan berlaku di kota Jerusalem.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian dirungkai dengan menggunakan kaedah Kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan suatu kajian ke atas sesuatu situasi dan individu untuk mendapatkan maklumat secara terperinci serta mendalam. Di samping itu, kaedah kualitatif adalah sebuah proses inkuiri yang mampu menghasilkan pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang kerap digunakan apabila memantau sesuatu permasalahan sosial.¹⁷ Daripada kaedah kualitatif, analisis dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan melalui dua sumber data maklumat iaitu data sekunder dan data tertiat. Selain itu pengkaji juga menggunakan proses kualitatif iaitu pendekatan historis.

Berdasarkan kajian, Data sekunder juga digunakan sebagai sumber dalam memperoleh dapatan kajian . Data sekunder adalah data yang diperoleh daripada idea yang didapati daripada mana-mana sumber dan digunakan semula bagi kajian lain dengan erti kata lain sumber ini telah wujud dan tersedia.¹⁸ Data sekunder adalah data tambahan yang diperolehi daripada sumber bertulis. Sumber sekunder yang digunakan adalah Kertas cadangan dan akhbar online. Selain itu, sumber rujukan tertiat merupakan gabungan kepada sumber primer dan sekunder dan menjadi pemangkin kepada pemahaman tentang sejarah Kota Jerusalem yang diperoleh daripada sumber sekunder seperti Kertas Kerja, artikel, jurnall dan maklumat daripada internet. Semua maklumat yang diperoleh daripada sumber ini sangat membantu dalam proses memahami dan merungkai segala persoalan-persoalan untuk mencapai objektif kajian.

Manakala proses pendekatan kualitatif yang digunakan untuk kajian adalah historis, historis diertikan sebagai fakta yang boleh dibuktikan dan dapat dipertanggungjawabkan kebenarannya kemudian keterangannya akan dihasilka dalam sebuah penulisan berdasarkan bentuk kisah yang boleh diyakini.¹⁹ Penelitian dan huraian kajian menggunakan pendekatan deskriptif analitik dimana kajian akan menggunakan penghuraian peristiwa yang menghasilkan paparan dalam bentuk kisah sekaligus memaparkan fakta-fakta yang diyakini kebenarannya.

¹⁷ Sarah Ayumi. 2020. Metodologi: Bab 3 Business Research.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Zikri Sulthoni. 2019. Studi Historis Eksistensi Komuniti Yahudi, Kristian dan Islam di yerusalem. Latihan Ilmiah. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah. Hlm 7.

Analisis ini sememangnya tidak dapat ditinggalkan dalam rangka menghasilkan keutuhan karya sejarah.

1.9 Pembahagian Bab Kajian

Bab 1 akan memperlihatkan proposal kajian yang terdiri daripada pengenalan, objektif kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, sorotan literature yang digunakan dalam kajian, skop dan limitasi kajian, kaedah kajian yang digunakan serta rujukan daripada kajian. Kesemua element ini adalah bertujuan untuk memperlihatkan gambaran keseluruhan kajian.

Dalam bab 2, pengkaji akan meneliti sejarah dan kepentingan kota Jerusalem kepada beberapa agama besar di Kota Jerusalem iaitu agama Islam, Yahudi dan Kristian. Untuk merungkai kepentingan Kota Jerusalem maka kajian akan meneliti bangunan artifak yang terdapat di Kota Jerusalem yang menjadi kunci utama kepada kepentingan Jerusalem sebagai bandar suci bagi agama Islam, Kristian dan Yahudi. Antara bangunan bersejarah tersebut adalah *Dome of the Rock*, *Church of The Holy Sepulchre*, dan *Western wall*.

Dalam Bab 3, pengkaji akan meneliti sejarah dan perkembangan kota Jerusalem dari tahun 1980 hingga tahun 2018. Apa yang menarik dalam abad ini adalah pembaca akan dibawa untuk memahami bagaimana titik permulaan sejarah Jerusalem diumumkan sebagai ibu negara bagi Israel secara sepihak oleh Israel sendiri pada tahun 1980 dan pada tahun 2017 pula sekali lagi Jerusalem distiharkan oleh Presiden sekutu utama Israel iaitu Amerika Syarikat, Donald Trump sendiri untuk menjadikan Jerusalem sebagai ibu negara bagi Israel dan pengumuman ini telah mengundang pelbagai reaksi daripada organisasi antarabangsa dan negara-negara lain khususnya negara Islam.

Dalam bab 4, pengkaji akan membincangkan reaksi masyarakat antarabangsa khususnya organisasi antarabangsa yang bertanggungjawab seperti PBB, Uni Eropah, Liga Arab, ASEAN dan negara luar. Reaksi dikhususkan terhadap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kerana organisasi tersebut adalah penggerak kepada resolusi permasalahan antara Palestin-Israel begitu juga dengan organisasi antarabangsa yang lain dan negara-negara Islam mahupun bukan Islam.

Dalam bab 5, apa yang pengkaji lakukan adalah menyimpulkan dapatan penulisan secara keseluruhan. Perkara ini sangat penting bagi menjelaskan dapatan kajian dan membincangkan semula secara keseluruhan objektif yang diperolehi sepanjang penulisan seperti mana yang tertera di proposal bab 1.

1.10 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, disimpulkan bahawa penulisan ini akan merungkai sejarah dan perkembangan Kota Jerusalem dari tahun 1980 hingga 2018 bagi menjawab objektif-objektif kajian iaitu menjelaskan sejarah dan latarbelakang kota Jerusalem serta Kepentingan Kota Jerusalem kepada agama Islam, Yahudi dan Kristian, membincangkan sejarah perkembangan kota Jerusalem dari tahun 1980 hingga tahun 2018, dan akhir sekali kajian ini akan dapat menjelaskan apakah perubahan-perubahan yang drastik telah berlaku dari tahun 1980 hingga tahun 2018 untuk menjawab segala permasalahan kajian dan persoalan kajian. Bagi menyempurnakan kajian maka pengkaji menggunakan kaedah kajian berdasarkan kaedah kualitatif iaitu penggunaan dan penelitian daripada beberapa rujukan kepustakaan dan menggunakan proses historis dalam menerangkan keseluruhan isi kajian.

Daripada kajian ini, dapat ditegaskan bahawa sejarah perkembangan kota Jerusalem sememangnya banyak dipengaruhi oleh konflik antara Palestin dan Israel yang masing-masing menuntut hak atas Jerusalem itu sendiri. Tambahan pula sejak tertubuhnya negara Israel pada tahun 1948 mereka telah mencuba untuk merubah kota Jerusalem secara keseluruhan seperti mana yang pihak Israel inginkan dan tidak mempedulikan hak dan kepentingan penduduk tempatan Palestin di Jerusalem dan daripada itu dapat dilihat pelbagai perubahan telah berlaku di bumi Jerusalem yang sememangnya kebanyakan dari perubahan itu dicipta oleh Israel dibawah perancangan Zionis sehingga menenggelamkan identiti asal Jerusalem yang sejak azali lagi beriditikan kerajaan Islam.

BAB 2

SEJARAH DAN LATAR BELAKANG KOTA JERUSALEM (BAITULMAQDIS)

2.1 Pengenalan

Kota Jerusalem yang terletak di Palestin merupakan kota yang memiliki sejarah yang panjang dalam peradaban dunia. Buktinya kota Jerusalem atau lebih dikenali sebagai Baitulmaqdis pernah ditawan oleh kuasa-kuasa besar antaranya kerajaan Rom, Parsi, Arab, Fatimids, Seljuk Turki, Crusaders, Mesir, Mamelukes dan Islam²⁰. Asal usul nama Jerusalem diketahui memiliki pelbagai versi yang berbeza namun beberapa ahli dari Barat mahupun Arab menyatakan bahawa Jerusalem berasal dari kata "Jebus" dan "Salem". "Jebus" diistilahkan sebagai salah satu nama suku dari rumpun bangsa Kanaan manakala "Salem" adalah nama Tuhan yang paling tinggi darjatnya yang disembah oleh suku Kanaan.²¹ Namun demikian tidak ada penjelasan lebih jauh bagaimana proses pembentukan dari dua kata tersebut membentuk menjadi kata Jerusalem. Maklumat yang diperoleh dari sumber lain mengenai asal usul nama Jerusalem berasal dari dua catatan Mesir yang mana catatan tersebut berasal dari kira-kira 1900-1800 tahun sebelum masehi dan 1400 sebelum masehi yang mengatakan adanya dua puluh negeri dan tiga puluh "pangeran" di antara negeri-negeri itu ada yang bernama Urusalim. Perkataan Urusalim ini dipercayai daripada dua perkataan yang berbeza kerana nama Salem, Salim atau Shalem dikaitkan dengan nama dewa-dewa sedangkan perkataan Uru dinyatakan berkemungkinan bermaksud "ditemukan" (has faunded) yang seterusnya membawa kepada penggabungan diantara keduanya. Perkembangan nama kota itu menjadi Jerushalayim, yang bermaksud Kota Perdamaian.

²⁰ Mj. Suhaimi. 18 Disember 2017. Sejarah awal Baitulmaqdis dan kepentingannya kepada Yahudi dan Kristian.

Islam,

²¹ Joebaar Ajoeb.1980. "Pengantar Penerbitan". Jakarta:Inkultra Faoundation Inc. Hlm 6.